

**FUNGSI SIMBOL DALAM MANTERA MELAYU BERDASARKAN
MODEL PEIRCE HASHIM AWANG**

MAZARUL HASAN BIN MOHAMAD HANAPI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PERADABAN MELAYU**

**INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan sebuah kajian kualitatif yang bertujuan untuk mencapai tiga objektif iaitu untuk mengenal pasti simbol-simbol dalam mantera berasaskan teori semiotik Peirce. Kedua menganalisis hubungan penggunaan simbol dengan makna mengikut konteks pandangan dunia Melayu dan ketiga menghuraikan penggunaan simbol sebagai terapi dalam masyarakat Melayu. Kajian ini juga merupakan sebuah kajian yang berbentuk kajian kepustakaan. Data utama kajian terdiri daripada mantera Melayu dalam buku *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Data dalam bentuk mantera ini dianalisis kandungannya berasaskan kerangka model *Peirce Hashim Awang* (PHA) untuk mengenal simbol-simbol serta fungsi-fungsi simbol tersebut. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, kajian ini berjaya menemukan 76 jenis simbol. Simbol-simbol ini telah dikelompokkan kepada lima jenis iaitu simbol binatang, simbol tumbuhan, simbol alam kosmos, simbol benda dan simbol makhluk ghaib dan manusia. Simbol-simbol yang telah dikelompokkan ini pula mempunyai makna-makna yang tertentu mengikut konteks pandangan dunia orang Melayu. Hubungan antara simbol dalam mantera dengan pandangan dunia orang Melayu berkait rapat dengan kepercayaan dan amalan kehidupan mereka. Selain daripada itu, kajian ini juga menemui bahawa simbol-simbol yang digunakan dalam mantera yang dikaji mempunyai fungsi terapi seperti fungsi kecantikan, fungsi perubatan, fungsi kekuatan, dan fungsi keselamatan. Berdasarkan dapatan kajian ini, kerangka analisis model PHA terbukti dapat menjadi kerangka analisis yang menemui simbol-simbol yang terdapat dalam mantera berkait secara langsung dengan pandangan dunia orang Melayu terutama dari aspek kepercayaan dan amalan kehidupan seharian mereka. Selain itu, mantera memang mempunyai aspek yang dominan yang mendokong simbol dan secara tidak langsung simbol-simbol yang dikaji menjadi terapi kepada pengamal mantera. Kerangka ini dicadangkan dapat dikembangkan untuk mengkaji bukan sahaja bahan mantera tetapi juga boleh dikembangkan dalam genre yang lain dan mungkin juga kajian yang berkaitan mantera boleh diperluaskan dalam bentuk perbandingan.





THE FUNCTION OF SYMBOLS IN MALAY MANTRA BASED ON PEIRCE HASHIM AWANG MODEL

ABSTRACT

This qualitative research aims to achieve three objectives, the first is to identify symbols in Malay Mantras based on Peirce's Semiotic Theory. The second is to analyse the relationship between the use of symbols with the meanings according to the context of the Malay's worldview, and the third is to elaborate the use of symbols for therapy in the Malay community. This research is also a library research. The primary data of the research consist of Malay Mantras in *Ulik Mayang Kumpulan Mantera Melayu* published by *Dewan Bahasa dan Pustaka*. The data that are in the Malay Mantra forms are analysed based on the *Peirce Hashim Awang* (PHA) model framework to identify the symbols and their functions. Based on the analysis, this research was able to identify 76 types of symbols. These symbols are categorised into five groups, which are the symbols of animals, plants, cosmic world, objects and also supernatural and human beings. The categorised symbols have their own meanings according to the context of the Malay's worldview. The relationship between the symbols in the Malay Mantras and the Malay's worldview is very much related to their beliefs and way of life. Besides that, this research has discovered that the symbols in the Malay Mantras studied have therapeutic functions such as for beauty, medicinal, strength and safety. Based on the findings of the research, the framework analysis of the PHA model has been proven to be able to find the symbols in the Malay Mantras which are directly related to the worldview of the Malay's, especially in the aspects of their beliefs and the practice of their everyday life. Other than that, the Malay Mantras also have a dominant aspect that supports the symbols and indirectly the symbols studied became a therapy for the practitioners of Malay Mantras. It is suggested that this framework be expanded to study not only materials related to the Malay Mantras but also other genres, and perhaps the research related with Malay Mantras can be extended to comparative analysis of forms.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii



SENARAI SINGKATAN



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Permasalahan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Skop dan Batasan Kajian	14
1.8	Kaedah Kajian	16
1.8.1	Kaedah Kepustakaan	16
1.8.2	Kaedah Analisis Kandungan Teks	17



1.9	Teori Kajian	18
1.9.1	Teori Semiotik	18
1.9.2	Teori Pengkaedahan Melayu Hashim Awang (2002)	22
1.10	Definisi Operasional	22
1.10.1	Bahasa	22
1.10.2	Terapi	23
1.10.3	Simbol	26
1.10.4	Mantera	27
1.10.5	Melayu	28
1.11	Kesimpulan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Kajian Literatur berkaitan Teori Semiotik	33
2.3	Kajian Literatur berkaitan Mantera dan Terapi	43
2.4	Kajian Literatur berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu	53
2.5	Kesimpulan	71

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	73
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Kerangka Kajian	75
3.4	Kaedah Kajian	76
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	76
3.4.2	Kerangka Konsep	77

3.5	Kerangka Model PHA	77
3.5.1	Latar Belakang Teori Semiotik	78
3.5.2	Teori Semiotik Peirce	89
3.5.3	Teori Pengkaedahan Melayu Hashim Awang (2002)	96
3.6	Pendekatan Firasat (Hashim Awang 2002)	99
3.7	Justifikasi Gabungan Teori Peirce dan Hashim Awang	101
3.8	Model Kajian	102
3.7	Kesimpulan	104

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	105
4.2	Simbol Binatang	106
4.2.1	Harimau	109
4.2.2	Gajah	112
4.2.3	Ular	115
4.2.4	Buaya	119
4.2.5	Semut	121
4.3	Simbol Tumbuhan	123
4.3.1	Buluh	125
4.3.2	Sirih	126
4.3.3	Pinang	128
4.4	Simbol Alam Kosmos	130
4.4.1	Matahari	131
4.4.2	Bulan	134
4.4.3	Bintang	136

4.5	Simbol Benda	139
4.5.1	Besi	141
4.5.2	Batu	144
4.5.3	Minyak	146
4.6	Simbol Makhluk Ghaib dan Manusia	148
4.6.1	Malaikat Jibrail	151
4.6.2	Malaikat Israfil	154
4.6.3	Malaikat Mikail	156
4.6.4	Saidina Ali	159
4.6.5	Nabi Yusuf	163
4.6.6	Nabi Daud	165
4.7	Hubungan Simbol dengan Makna Mengikut Pandangan Dunia Melayu	168
4.7.1	Simbol Binatang dalam Budaya Melayu	171
4.7.2	Simbol Tumbuhan dalam Budaya Melayu	201
4.7.3	Simbol Alam Kosmos dalam Budaya Melayu	211
4.7.4	Simbol Benda dalam Budaya Melayu	225
4.7.5	Simbol Makhluk Ghaib dan Manusia dalam Budaya Melayu	235
4.7.6	Rumusan Perlambangan dan Simbol	266
4.8	Fungsi Penggunaan Simbol Sebagai Terapi dalam Masyarakat Melayu	268
4.8.1	Peranan Pantun dalam Mantera	273
4.8.2	Kepercayaan kepada Unsur Magis	279
4.8.3	Kuasa Bahasa dalam Mantera sebagai Fungsi Terapi	283
4.9	Kesimpulan	303

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	305
5.2	Dapatan Kajian	306
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	310
5.4	Saranan dan Cadangan	313
RUJUKAN		317
LAMPIRAN		330



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

4.1	Simbol Binatang	107
4.2	Simbol Tumbuhan	124
4.3	Simbol Alam Kosmos	130
4.4	Simbol Benda	140
4.5	Simbol Makhluk Ghaib dan Manusia	149
4.6	Simbol Binatang dalam Budaya Melayu	199
4.7	Simbol Tumbuhan dalam Budaya Melayu	209
4.8	Simbol Alam Kosmos dalam Budaya Melayu	223
4.9	Simbol Benda dalam Budaya Melayu	234
4.10	Simbol Makhluk Ghaib dan Manusia	263
4.11	Bilangan Mantera dalam <i>UMKMM</i>	268



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

3.1	Kerangka Kajian	75
3.2	Model Gabungan PHA	103

SENARAI SINGKATAN

PHA	Peirce Hashim Awang
M	Mantera
UMKMM	Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu
PBK	Penguat Badan dan Kebal
PDG	Pendinding
PGN	Penggerun
PND	Penunduk
PMS	Pemanis
PP	Pengasih dan Pembenci
PTN	Perubatan



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bahasa adalah alat yang digunakan oleh anggota sesebuah masyarakat untuk berhubung. Keupayaan berbahasa merupakan satu kebolehan asasi manusia. Fenomena ini boleh berlaku apabila manusia sendiri memiliki alat-alat artikulasi yang normal dan dapat berfungsi dengan baik dan sempurna. Mengikut sudut dan fungsinya, bahasa adalah satu struktur yang unik yang dimiliki oleh manusia untuk berkomunikasi dalam komunitinya. Nik Safiah Karim (1992, hlm. 10) menegaskan bahawa bahasa merupakan medium pertuturan bagi sesebuah komuniti dan menjadi lambang komunikasi dalam komuniti itu. Ini bermakna, bahasa mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat.





Perkara yang harus dikaji dalam bahasa adalah tingkah laku yang terjadi ketika ucapan dilahirkan melalui mulut seseorang sehingga ucapan itu diterima serta difahami oleh pendengar dan sebaliknya. Apa yang berlaku dalam fikiran penutur dan pendengar tidak termasuk dalam bidang kajian bahasa. Namun, komunikasi daripada kedua-dua bahagian iaitu penutur dan pendengaranlah yang akan menghasilkan satu perlakuan berbahasa yang sempurna, seterusnya memperlihatkan bahasa menjalankan fungsi sosialnya.

Banyak aspek bahasa Melayu yang mempunyai unsur tersirat dan tersurat yang harus difahami oleh penutur Melayu itu sendiri. Misalnya, unsur bahasa yang terdapat dalam mantra dan pantun selain berfungsi sebagai lambang arbitrari, terkandung di dalamnya falsafah-falsafah yang tertentu yang biasanya lebih difahami oleh penutur atau pengamalnya.

Istilah “kesusasteraan” dalam bahasa Melayu/Indonesia berkembang daripada kata Sanskrit sastra. Akar kata sas- adalah kata terbitan bermakna “mengarahkan, mengajar, memberi petunjuk atau instruksi. Dan akhiran -tra biasanya menunjukkan alat untuk mengajar, buku petunjuk, buku instruksi atau pengajaran; misalnya *silpasastra*: buku tentang senibina, *kavyasastra*: buku tentang puisi “kawi” dan *kamasastra* sebagai buku tentang seni cinta dan perkasihannya. Daripada kata “sastera” terdapat pula susastera. Awalan su- itu daripada bahasa Sanskrit juga yang membawa maksud baik atau indah. Imbuhan -ke dan -an ditambah untuk memperlengkapkan bentuk kata terbitan yang memberikan makna yang padu dan menyeluruh iaitu segala





yang tertulis, yang bernilai seni dan estetik dengan maksud memberikan panduan, petunjuk dan pengajaran (Harun Mat Piah, 2000, hlm. 2).

Dalam kelompok kesusasteraan Melayu tradisional, mantra merupakan wadah sastra berbentuk lisan yang disampaikan secara turun temurun daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Bentuk lisan ini juga dikenali sebagai sastra rakyat. Ia juga terbahagi kepada dua jenis iaitu berbentuk cerita dan bukan cerita. Pantun, peribahasa, teromba, mantra, zikir, gurindam dan lain-lain adalah sastra lisan di bawah kategori bukan cerita.

Dalam budaya Melayu, penggunaan mantra seiring dengan fahaman animisme yang mempengaruhi kepercayaan dan pemikiran mereka terhadap sesuatu kejadian. Penggunaan mantra mula berubah setelah Islam masuk ke Tanah Melayu sekitar abad ke-13 hingga abad ke-15. Unsur sintisisme di antara Islam dan animisme telah mewujudkan berlaku suatu sifat yang universal dalam penggunaan dan pengucapan mantra. Struktur mantra telah diberi perubahan dan pembauran Islam, contohnya, mantra akan dimulai dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan diakhiri dengan Laila-hail-lallah. Maka penggunaan dan pengucapan mantra telah menjadi universal sifatnya. Dunia kata-kata dalam mantra boleh merangsang indera manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu tersebut. Namun, penggunaan mantra bagi masyarakat Melayu kini kurang diamalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam.





Mantera ialah karangan berangkap yang menerangkan *world-view* dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya.

Mantera mempunyai unsur simbolisme yang boleh dilihat melalui penggunaan bahasanya. Ia penting dalam mempengaruhi pemikiran seseorang individu untuk menjadi lebih sempurna dalam kehidupan mereka dan kehidupan bermasyarakat. Kajian ini bertitik tolak daripada teori Semiotik yang melihat proses kreatif dalam berbahasa boleh mempengaruhi psikologi manusia dan melihat dunia kata-kata dalam mantera sebagai cerminan lambang akal budi orang Melayu. Ia juga akan disesuaikan dengan teori Pengkaedahan Melayu. Teori Semiotik ini tidak akan dilihat sebagai dunia yang *autonomous* tetapi akan dihubungkan dengan konteks atau budaya masyarakat yang melahirkan mantera. Manakala fokus bagi teori Pengkaedahan Melayu adalah berkaitan dengan Pendekatan Firasat yang berkait langsung dengan pemikiran masyarakat Melayu dahulu terutamanya dalam meneliti aspek simbol dan kepercayaan masyarakat mengenai simbol yang digunakan dalam mantera.



1.2 Latar Belakang Kajian

Di antara pelbagai kekayaan seni sastra Melayu tradisi ialah mantra dan penggunaannya sangat menonjol dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu kala. Keindahan kata-kata dalam mantra bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Mantra juga dapat menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya.



Mantra menjadi semakin indah dan bermakna melalui penggalan, pelestarian dan pengungkapan makna. Makna mantra bukan hanya terdapat daripada serangkap kata, dari serangkap bunyi atau intonasinya. Mantra harus dilihat dari fungsi yang fungsionalnya berdasarkan tiga asas penting iaitu nilai magisnya, fungsi dan peranan lirik serta naratif. Nilai magis sebuah mantra akan lahir dari segi gaya pengucapan dan pilihan kata yang dapat menghubungkan alam zahir dengan alam ghaib seperti persembahan Ulek Mayang, manakala nilai lirik akan terserlah sebagai senikata sebuah lagu yang dinyanyi koruskan dan nilai naratif atau penceritaannya dapat kita perolehi melalui kisah-kisah mitos, lagenda yang diabstrakan. Semua ini harus bertolak dari fahaman mentaliti pengucap dan penggunaannya.





Jadi, mantera bukan hanya sebuah puisi tentang perasaan kasih sayang, perubatan, menghubungkan alam batin dan alam nyata yang longgar dan konkrit. Dengan ini, mantera Melayu harus diteliti, diungkap berdasarkan tiga perspektif iaitu perspektif magis, perspektif kepercayaan dan agama serta perspektif logikalnya.

Mantera Melayu ialah sebahagian daripada karya sastra dalam bentuk bebas, baik prosa mahupun puisi. Yang berbentuk puisi jelas mengandungi nilai-nilai puitis dari segi lirik, rangkap, rima dan rentak (irama). Yang tergolong prosa pula bersifat puitis, misalnya dalam rentak urutan pengucapannya. Contohnya mantera pengasih dalam bentuk pantun:

Banyak bunga perkara bunga
bunga lati patah kaki
banyak guna perkara guna
bunga kuberi hancur hati.

(UMKMM, hlm. 343)

Sebahagian mantera memikat burung juga dalam bentuk pantun:

Bismillahirrahmanirrahim
hei burung-burung kabau
burung berasal dari Makasar
jika ku panggil datanglah engkau
supaya kukurung di dalam sangkar
berkat doa Lailahaillallah Muhammadur Rasulallah.

(UMKMM, hlm. 340)

Untuk menunjukkan kesejagatan dalam mantera Melayu, aspek yang dilihat adalah dari segi teks sebagai suatu bentuk keseluruhan, bersama khalayak atau audiens yang terlibat dengan kepercayaan dan pengamalan mantera. Contoh mantera di atas





merupakan teks tertulis bagi sebuah mantera, yang satu sebagai mantera pakaian diri (pengasih) dan yang lain adalah mantera pekerjaan yang berhubung dengan upacara iaitu memikat burung. Yang penting dikemukakan dalam perbincangan ini ialah suatu teks bagi sebuah mantera bukanlah semata-mata tertumpu pada yang telah terakam dan tertulis, tetapi sebagai prinsip, ia merupakan teks lisan yang lahir dalam suatu rangkaian, meliputi fungsi dan peristiwa, bersama peraturan, tertib, urutan, kepercayaan, amalan, upacara, dan pantang larang dalam keseluruhan proses pengaliran sebuah mantera. Semua ini merupakan keseluruhan dan keseluruhan itu ialah sebuah teks bagi sebuah mantera atau rangkaian mantera (Harun Mat Piah, 2007, hlm. 22).



Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti simbol-simbol dalam mantera berasaskan teori Semiotik Peirce. Kedua menganalisis hubungan penggunaan simbol dengan makna mengikut konteks pandangan dunia Melayu dan ketiga menghuraikan penggunaan simbol sebagai terapi dalam masyarakat Melayu.

Ketiga-tiga objektif kajian ini akan dilihat melalui teori Semiotik Peirce dan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Sehubungan itu, bahasa atau dunia kata-kata dalam mantera akan dilihat berdasarkan bagaimana bentuk pengucapan melalui simbol dalam mantera boleh mempengaruhi pemikiran atau psikologi manusia atau individu yang mengamalkannya dan yang menuturkannya.

Kesimpulannya, dunia kata-kata dalam mantera boleh merangsang psikologi manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu





tersebut. Berdasarkan simbol yang tertentu maka mantera boleh menjadi terapi kerana rangsangan psikologi tersebut. Namun, penggunaan mantera bagi masyarakat Melayu kini kurang diamalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Islam tetapi ia amat penting dikaji bagi mengangkat kembali pemikiran dan falsafah orang Melayu yang terkandung dalam kata-kata mantera melalui penggunaan simbol.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian berkaitan mantera telah banyak dilakukan oleh para penyelidik sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kajian yang telah dilakukan berkaitan mantera lebih tertumpu atau berfokus kepada perubahan dan unsur-unsur yang terdapat dalam mantera. Namun, dari segi bahasa sebagai terapi yang terdapat dalam mantera berkaitan kajian ini dilihat sebagai satu disiplin yang meluaskan lagi peranan mantera terutamanya dalam bidang bahasa yang bukan sahaja dilihat sebagai perubahan semata-mata malah sebagai fungsi terapi dan magis kepada masyarakat.

Pada zaman yang mementingkan sains dan teknologi, masyarakat kurang memberikan perhatian kewujudan mantera dan nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Mantera sering dipertikaikan kewajarannya dan fungsi penggunaannya pada masa kini. Jika kita imbas kembali sejarah penciptaan mantera dan peranannya dalam kehidupan masyarakat Melayu, memang terlalu banyak dan tidak terkira jumlahnya. Mantera menjadi alat untuk perubahan, pertahanan diri, kecantikan dan sebagainya. Hal ini adalah





kerana, melalui penggunaan mantra unsur simbol yang terdapat di dalamnya terkandung nilai pemikiran Melayu yang dilihat sebagai memberi wajah atau gambaran sebenar kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Mantra dilihat sangat penting dalam sistem sosial masyarakat dahulu.

Seterusnya peranan mantra sebagai terapi dapat dilihat melalui pemilihan kata-kata yang terpilih. Setiap kata-kata dalam mantra mempunyai simbol dan maksud yang tersendiri. Pemerian bahasa tentang kekuatan dan kekuasaan makhluk lain di dalam kata-kata mantra secara tidak langsung akan merangsang deria dengar dan deria rasa (rasa hebat) kepada pendengar. Kesan kehebatan dalam kata-kata mantra terhadap deria rasa (rasa hebat) dan deria dengar penutur dan khalayak secara tidak langsung akan meninggalkan kesan rasa takjub, aneh dan luar biasa. Ia boleh merangsang deria penutur dan pendengar menjadi percaya, takjub dan yakin dengan kehebatan kata-kata mantra tersebut. Contoh perkataan “buaya” yang terdapat dalam mantra untuk diri boleh merangsang deria dengar dan deria rasa (rasa hebat). Penggunaan perkataan “buaya” mungkin memaparkan kehebatan yang diharapkan pada diri supaya kelihatan berbeza daripada orang lain. Perbezaannya kebanyakan manusia cuba menghindari diri daripada buaya tetapi kehebatan yang ada pada manusia akan segera dicari untuk didampingi.

Dalam mantra, si pengamal sering menggunakan unsur simbol alam sebagai lambang seperti gunung dan laut, bergantung pada bentuk mantra yang digunakan. Jika mantra digunakan sebagai penghias diri atau penggamit kasih, selalunya diungkapkan





sesuatu yang indah dan menyenangkan seperti bulan, matahari, bintang dan sebagainya. Jika mantra itu khusus untuk kekuatan tenaga sama ada lahir atau batin, sering kali kekuatan besi seperti besi khursani dirujuk. Pemaparan beberapa mantra memperlihatkan betapa manusia memerlukan suatu kuasa untuk merubah nasib diri sejajar dengan matlamat yang diingini. Sikap kebergantungan manusia amat ketara sehingga dicipta suatu mantra yang ampuh dan mujarab di samping memohon kepada suatu kuasa yang mutlak untuk mengabulkannya (Noriah Mohamed, 2006, hlm. 142).

Struktur kata-kata mantra terdiri daripada pelbagai bentuk. Penyampaian mantra mendekati bentuk puisi kerana ia memanfaatkan unsur bunyi, pemilihan kata-kata yang istimewa serta penggunaan bahasa yang bersukat, berentak dan berirama.

Pemilihan kata-kata yang tersusun, padat dan puitis dalam bentuk-bentuk berlagu, berirama dan bersajak mempunyai keseimbangan dan menimbulkan irama keindahan yang tidak ternilai. Ada bentuk mantra seperti pantun. Penggunaan bentuk seperti pantun akan membawa kepada keharmonian penutur dan pendengar, maka ia secara tidak langsung akan meninggalkan kesan terhadap jiwa seseorang yang membaca, mendengar atau menatapnya.

Struktur kata-kata dalam mantra boleh memberikan rangsangan semangat kepada pendengarnya. Kesan keindahan yang terdapat dalam mantra tersebut dapat merangsang deria lihat dan deria dengar dan ia boleh mencetuskan kesan rasa seperti “terpikat”, “terpegun” dan seumpamanya. Namun, jika kesan keindahan itu terlalu kuat dan hebat serta tidak dapat diimbangi oleh kekuatan akal, maka ia akan meninggalkan





si penerima dalam keadaan jiwa yang celaru dan “kacau” sehingga akan mengakibatkan timbulnya keadaan seperti “lupa diri”, “mabuk” dan boleh membawa kepada “pengsan.”

Menurut Ismail Hussein (1974) karya-karya puisi bertindak sebagai mantera yang bercirikan “*sympathetic magic*” atau disebut sebagai:

By describing an action in the song one stimulates and promotes the action itself, that when one mentions success in the song, success itself in magical way will be forced to appear.

(Ismail Hussein, 1974, hlm. 23)

Konsepsi tentang magis bahasa atau *verbal magic* ini mengaitkan juga bahasa dengan kuasa untuk mempengaruhi, mengubah dan melentur emosi, juga tindak tanduk, malah untuk mengubah alam dan realiti. Istilah mantera itu sendiri membawa konotasi yang sedemikian. Mantera daripada kata akar Sanskrit “man” bermaksud “hati” dan “tra” bermaksud “tenteram”, dan apabila digabungkan akan melunjurkan maksud “menenteramkan hati”, menundukkan unsur-unsur jahat atau nafsu yang merosakkan hati. Berdasarkan konsep tersebut, bunyi dan kata yang disusun dalam mantera sama dengan perkataan-perkataan suci yang tersusun dalam kitab-kitab suci, dan kemudiannya bahasa yang digubah secara halus dan seni, diasosiasikan dengan kuasanya sebagai penyembuh jiwa yang dibahasakan sebagai *verbal healing* untuk mengawal dan mengimbangkan emosi, atau istilah psikologinya disebut fungsi psikoterapetik. (Noriah Taslim, 2007, hlm. 201).





1.4 Objektif kajian

Terdapat tiga objektif kajian iaitu:

- a) Mengenal pasti simbol-simbol dalam mantera berasaskan teori Semiotik Peirce.
- b) Menganalisis hubungan penggunaan simbol dengan makna mengikut konteks pandangan dunia Melayu.
- c) Menghuraikan penggunaan simbol sebagai terapi dalam masyarakat Melayu.

1.5 Soalan kajian



Terdapat tiga soalan kajian iaitu:

- a) Apakah jenis simbol yang terdapat dalam mantera?
- b) Bagaimanakah simbol dalam mantera dapat memberi makna dalam sudut pandangan masyarakat Melayu?
- c) Apakah peranan simbol dalam mantera yang dianggap sebagai terapi dalam masyarakat tradisi?





1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini amat penting dilakukan kerana puisi Melayu tradisional mempunyai banyak falsafah yang tersurat dan yang tersirat di dalamnya. Puisi Melayu tradisional yang dilontarkan melalui lisan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain mempunyai peranan yang amat besar dalam dunia kehidupan masyarakat tradisi. Sebelum ini kajian dari aspek bentuk dan isi banyak dilakukan namun kajian dari aspek peranan puisi Melayu tradisional sebagai terapi melalui bahasa dan bunyi belum pernah dilakukan oleh penyelidik dan sarjana tempatan. Maka kajian ini dilihat sebagai satu langkah untuk mengetengahkan peranan puisi Melayu tradisional pilihan yang bukan sahaja dilihat untuk mendidik dan menghiburkan tetapi berperanan lebih daripada itu iaitu sebagai terapi kepada individu dan masyarakat pengamalnya.



Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat di negara ini tentang pentingnya memelihara khazanah warisan lama yang hampir dilupakan oleh generasi pada zaman ini kesan daripada ledakan teknologi yang seperti tidak ada tanda noktahnya. Dengan adanya kajian ini, masyarakat didedahkan dengan pengetahuan baharu tentang peranan mantera sebagai alat terapi yang telah sedia ada dalam masyarakat Melayu. Masyarakat juga akan dapat mengetahui bahawa mantera mempunyai peranan yang tersendiri serta dapat memberi gambaran tentang keadaan masyarakat dahulu yang begitu erat hubungannya dengan alam sekeliling.

